

22/10/2002

Semua kaum perlu berkorban

Ghazi

APA saja alasan atau pendirian MCA Pusat terhadap isu penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran subjek Sains dan Matematik, ia benar-benar mengecewakan rakan lain dalam Barisan Nasional (BN).

Ini jelas daripada reaksi mereka terhadap keputusan MCA yang menolak pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris di sekolah jenis kebangsaan Cina.

Demi semangat setia kawan, pemimpin Umno masih cuba mencari jalan penyelesaian terbaik dalam menangani isu bahasa Inggeris tanpa menyerang MCA.

Ini membuktikan kematangan berfikir mereka. MCA, terutama pemimpinnnya perlu menjelaskan dengan terperinci mengapakah mereka berpendirian sedemikian.

Sebelum ini, MCA kelihatan kurang bersuara dan lesu dalam menangani isu bahasa Inggeris. Apabila didesak oleh pelbagai pihak, termasuk media, MCA mendakwa akan menangani isu berkenaan secara senyap dan sebaiknya, termasuk dengan mengadakan rundingan dengan pertubuhan Cina.

Malangnya dari senyap-senyap tiba-tiba terus membuat kenyataan mengejutkan seperti disiarkan dalam Berita Harian dan New Straits Times.

Persoalannya, apa sudah jadi dan mana janji dulu? MCA umpama pagar terbaik dalam BN dalam menangani isu bahasa Inggeris daripada serangan dan tuduhan liar mengenai kesan buruk pelaksanaannya terhadap kaum Cina.

Mereka sepatutnya memberi penerangan positif kepada masyarakat Cina yang bimbang terhadap elemen kecinaan mereka yang mungkin terhakis. Sebaliknya MCA yang kita harap-harapkan turut tumbang. Dengan ini menyukarkan lagi kerajaan untuk melaksanakan dasar ini.

Kini tinggal Umno saja yang kelihatan bersungguh-sungguh melaksanakannya.

Sebenarnya pemimpin Umno juga terfikir bahawa bukan saja unsur kecinaan, malah kemelayuan boleh terjejas. Tetapi mereka tidak berfikiran demikian kerana menyedari kemajuan ilmu.

Dan dalam memartabatkan semua bangsa sebagai bangsa dan rakyat Malaysia, semua bangsa perlu berkorban sedikit untuk kejayaan yang lebih.

Inilah fahaman yang cuba diterapkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kita tidak perlu takut pada bayang-bayang sendiri dalam mencuba sesuatu yang baru dan yang akan menguntungkan bangsa kita semua.

GHAZI,

Klang, Selangor.